

# 3 negara lagi mungkin sertai badan silat

*Persekutuan Silat* - 1 JAN 1980

THAILAND, Brunei dan Filipina mungkin turut serta menjadi anggota Persekutuan Silat Antarabangsa yang dianggotai oleh kumpulan-kumpulan pencak silat dari tiga buah negara Asean — Malaysia, Indonesia dan Singapura.

Demikian dinyatakan oleh Encik Johari Uriff, Setiausaha Agung Persekutuan Seni Silat Singapura (Persisi).

Berucap merasmikan 'Pesta Silat Persisi' yang keempat di Panggung Negara, Ahad malam, dia menambah bahawa penubuhan persekutuan tersebut telah dapat dilaksanakan dengan kerjasama dari Ikatan Pencak Silat Indonesia (Ipsi) dan Kumpulan silat dari Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia.

Berhubung dengan pesta tersebut, dia memberitahu bahawa semua kegiatan dan jenis silat yang dipertandingkan bertujuan untuk meningkatkan mutu seni silat ke satu tahap yang tinggi.

## Bertanding

Sebanyak 10 jenis silat diperlombakan untuk merebut Piala Haji Ya'akub Mohamad dalam pesta yang berlangsung selama dua malam berturut-turut.

"Tiap-tiap jenis silat yang dipertandingkan melibatkan 15 orang pesilat. Kesemuanya adalah dari badan-badan kerabat Persisi," jelas Encik Johari.

Lima kumpulan silat yang telah bertanding pada Ahad malam, terdiri dari kumpulan-kumpulan silat Kuningan, Gayung Pasak, Seligi Tunggal, Jawa Bawangi dan Kuntau Melaka.

Sementara pada malam tadi, adalah dari kumpulan-kumpulan silat Gabungan Seni Tari dan Pencak Sunda, Sipitung, Cekak, Hartimau dan Seri Gayung.

Untuk menyeriakan malam pesta itu, satu demonstrasi silat dari Persatuan Olahraga Nasional Indonesia (Pon) yang diketuai oleh Bapak TM Sofyan telah dipersembahkan.



ENCIK JOHARI

## Silat Cekak

### rebut

### hadiyah

*Persekutuan Silat* - 2 JAN 1980

### terbanyak dlm pesta

*Persekutuan Silat* - 2 JAN 1980

SENI Silat Cekak keluar sebagai pasukan yang berjaya menggondol paling banyak hadiah dalam Pesta Silat Kebangsaan 1979 hingga mengamatkan Panggung Negara pada Isnin lepas.

Sejumlah tujuh piala dipertandingkan untuk direbut oleh 10 pasukan persilatan di Singapura, dan Silat Cekak berjaya menggondol lima darinya sebagai johan bahagian dan satu lagi hadiah di tempat ketiga.

Kelima-lima hadiah pertama yang diperolehinya ialah Tunas Pendekar, Pendekar Muda, Pendekar, Regu Terbaik dan Persembahan Keseluruhan Terbaik, sementara satu hadiah tempat ketiga yang dimenanginya ialah dalam bahagian Srikandi.

### Tak jauh

Pasukan Senigayung Pasak merupakan yang kedua paling banyak merebut hadiah-hadiah yang disediakan. Lima hadiah yang berjaya direbutnya ialah satu johan (Srikandi), satu naib-johan (Pendekar) dan tiga hadiah di tempat ketiga.

Empat buah pasukan silat tidak memenangi apa-apa hadiah biarpun persembahan mereka dirasakan tidaklah jauh sangat tarafnya dari sebahagian para pememang.

Berikut ialah keputusan penuh Pesta Silat Kebangsaan 1979:

Bahagian Tunas Pendekar — Silat Cekak (johan), Kuningan (naib) dan Senigayung Pasak (ketiga).

Srikandi Muda — Kuningan (johan), Sipitung (naib) dan Senigayung Pasak (ketiga).

Pendekar Muda — Silat Cekak (johan), Seligi Tunggal (naib) dan Senigayung Pasak (ketiga).

Srikandi — Senigayung Pasak (johan), Sipitung (naib) dan Silat Cekak (ketiga).

Pendekar — Silat Cekak (johan), Senigayung Pasak (naib) dan Sipitung (ketiga).

Regu Terbaik bahagian Pendekar ialah Silat Cekak.

Persembahan Keseluruhan Terbaik dimenangi oleh Silat Cekak.